



View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk

brought to you by  CORE

provided by Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository



3

PLURALITI BUDAYA DAN ETNIK DI ALAM MELAYU ZAMAN AWAL

ROZEYTA BT. OMAR
PAIMAH BT. ATOMA

PENGENALAN

Usaha mengenali masyarakat serta budaya Melayu lama banyak bergantung kepada catatan pelayar, pedagang, pengembang agama, pengembara, dan teks-teks Melayu lama. Kita sedia mengetahui bahawa sejarah masyarakat Melayu adalah merupakan sejarah kelas yang memerintah dan dengan itu memperlihatkan suatu perspektif yang bersifat *elitist* dan *hierarchical* serta konservatif. Ini menjadikan kajian masyarakat Melayu sebagai suatu *static morphology*. Pendekatan yang biasa digunakan untuk menghuraikan kehidupan masyarakat Melayu tradisional ialah pendekatan sejarah sosial. Pendekatan ini mampu menghuraikan sejarah kehidupan masyarakat Melayu dengan melihat kepada proses kehidupan sehari-hari. Pendekatan ini membincangkan tentang teori penentangan struktural. Teori ini telah dimulakan oleh Evans Pritchard dalam kajiannya tentang masyarakat Nuer di Mesir (*The Nuer*, 1972) yang menghuraikan bagaimana orang Nuer ini menganggap diri mereka sebagai kelompok eksklusif berbanding dengan jiran mereka iaitu orang Dinka.

Kajian tentang etnisiti di Semenanjung Malaysia telah dihasilkan oleh para antropologis (Hodder, 1953; Winstedt, 1956; Djamour, 1959; Silcock, 1960; Swift, 1965; Firth, 1966; Neville, 1966; Wilson, 1967; Ratnam, 1967; Hassan, 1971; Provencher, 1971; Nagata, 1974; Hirschman, 1975).

Kajian oleh Gosling (*Migration and Assimilation of Rural Chinese in Terengganu*, 1964) menghuraikan tentang proses asimilasi



masyarakat Cina di Terengganu. Kajian oleh Wilson (*A Malay Village in Malaysia Social Values and Rural Developments*, 1967) menyentuh tentang persoalan stereotaip etnik di kalangan orang Melayu, Mandailing dan Minangkabau. Kajian oleh Provencher (*Two Malay Worlds: Interaction in Urban and Rural Settings*, 1971) memperlihatkan tentang ‘situational variability’ dalam hubungan di antara orang Melayu, Jawa dan Minangkabau.

PENDUDUK DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Orang Melayu

Petempatan manusia di alam Melayu masih banyak yang bersifat hipotesis kerana bukti-bukti nyata yang ditinggalkan oleh masyarakat lampau tidak banyak diketahui. Aktiviti migrasi, terutamanya migrasi luaran, merupakan aktiviti utama yang bertanggungjawab mengubah keseluruhan keadaan masyarakat Tanah Melayu hingga memberi kesan yang begitu besar terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Teori yang masih popular tentang proses kedatangan dan pembentukan awal masyarakat Melayu di Tanah Melayu menjelaskan bagaimana pada zaman sebelum masihi orang Melayu daripada selatan benua Asia berhijrah beramai-ramai ke Semenanjung dan Kepulauan Borneo. Kedatangan mereka ini telah menyebabkan penduduk pribumi (orang Asli) ketika itu berpindah ke kawasan pedalaman. Orang Melayu inilah yang telah mendiami kawasan pantai dan kuala sungai. Mereka menjadi penghuni tertua selepas orang pribumi di Tanah Melayu.

Kawasan tepi pantai dan sungai kemudiannya telah berkembang menjadi pelabuhan-pelabuhan penting, terutama kerana kedudukan Tanah Melayu dan beberapa kepulauan Melayu yang lain di jalan perdagangan antara China, India dan Arab. Pedagang-pedagang India telah berdagang di kawasan Kepulauan Melayu sejak



zaman sebelum masih lagi dan menggelar Semenanjung Tanah Melayu sebagai *Suvarnabumi* (bumi emas).

Kepulauan Melayu merupakan kawasan geopolitik rumpun Melayu. Penduduknya bergerak dan berpindah dari satu kawasan ke kawasan lain. Kemudahan pergerakan ini dipertingkatkan lagi dengan wujudnya satu bahasa iaitu bahasa Melayu yang menjadi bahasa lingua franca dan berbudaya Melayu.

Arkeologi

Sejarah awal penduduk di Alam Melayu ini terbukti dengan beberapa penemuan artifak seperti di Kuala Tampang, Perak; Gua Niah, Sarawak, dan Tingkayu, Sabah. Penemuan ini menjelaskan tentang wujudnya manusia zaman *paleolitik* (lebih kurang 35000 tahun lalu). Penemuan di Gua Cha, Kelantan; Gua Kecil, Pahang; Guar Kepah, Kedah, dan Gua Mandai, Sabah pula menjadi bukti kewujudan masyarakat *mesolitik* (11000 tahun lalu). Kajian-kajian seterusnya di beberapa tempat seperti Gua Kecil, Pahang; Jenderam Hilir, Selangor; Gua Gamantang, Sabah; Gua Tengkorak, Sarawak; Sungai Lang, Selangor; Sungai Tembeling, Pahang, dan Sungai Muar, Johor, juga telah membuktikan kewujudan masyarakat zaman *neolitik* dan zaman *logam* (antara 5000 hingga 2500 tahun lalu).

Orang Asli

Orang-orang asli daripada suku kaum Negrito, Senoi dan Melayu Asli dianggap sebagai penduduk asal kawasan Kepulauan Melayu. Ini bermakna penduduk asal di Tanah Melayu dan kawasan kepulauan yang lain terdiri daripada pelbagai suku kaum. Tidak hairanlah terdapat orang Melayu dari keturunan Banjar, Boyan, Bugis, Jawa, Kampar, Kerinci, Mendaling, Minangkabau, Rawa, Johor-Riau yang mendiami daerah-daerah tertentu di Kepulauan Melayu. Kajian oleh Wilkinson dalam *Peninsular Malays* dan juga *History of Perak* menjelaskan tentang hubungan baik yang wujud di antara orang Melayu yang mendiami kawasan pantai dengan orang Sakai di kawasan pedalaman. Antara



barangan utama yang dibawa oleh orang Sakai ini ialah rotan, *gutta*, *wax*, *ivory* dan lain-lain hasil hutan. Orang Sakai ini juga menjadi tenaga pekerja. Walau bagaimanapun, perkembangan di Perak dan bertambah ramainnya orang Melayu telah menyebabkan orang Sakai ini “had [been] driven to the hills and jungle of the interior”. Orang Sakai ini mempunyai sumbangan yang sangat besar dalam masyarakat Melayu Perak. Contoh yang ketara ialah perkataan *pawang* yang berasal daripada dialek orang Sakai.

PENDUDUK DI SABAH

Di Sabah terdapat suku kaum pribumi seperti:

- Kadazan (bilangan terbesar di Sabah, berasal dari Kalimantan serta tertumpu di kawasan lembah Ranau dan Tambunan),
- Bajau (berasal dari Pulau Mindanao dan Sulu, dikenali juga sebagai orang laut dan orang Samal, tertumpu di kawasan Semporna, Kota Belud dan Pulau Timbang di teluk Sandakan),
- Dusun
- Murut (kebanyakan tinggal di kawasan pedalaman seperti di Tenom, Rundu dan Pensiangan. Kebanyakan mereka masih mengamalkan hidup berpindah randah)
- Bisaya
- Kadayan
- Orang Sungai
- Suang Laut
- Orang Brunei

PENDUDUK DI SARAWAK

- Bidayuh
- Iban



- Kayan
- Kedayan
- Kelabit (mereka tertumpu di kawasan Sungai Baram dan Sungai Rejang. Perkampungan mereka yang terkenal ialah di Bario. Kebanyakan mereka masih tinggal di rumah panjang),
- Kenyah
- Melanau (kebanyakan tinggal di Sungai Igan, Sungai Oya, dan Sungai Mukah. Ramai di antara mereka ini beragama Islam. Mereka merupakan suku kaum yang telah banyak berasimilasi dengan orang Melayu dan mengamalkan cara hidup orang Melayu)
- Melayu (berasal dari Sumatera. Mereka ini banyak tinggal di kawasan pesisir pantai dan beragama Islam), Murut, Penan dan Punan.

Catatan Pelayar dan Pedagang Cina

Zaman kegembilangan pemerintahan maharaja-maharaja dinasti di China, terutama zaman Dinasti Sung dan Dinasti Ming memperlihatkan begitu banyak catatan daripada utusan dan pelayar-pelayar Cina yang dihantar oleh maharaja China ke Samudera Barat (termasuk kawasan Pulau Jawa, Sumatera, Tanah Melayu hingga ke kawasan kepulauan di Hindia Barat). Malah sejak Dinasti Chin (221-206 S.M.) dan Dinasti Han (206-220 S.M.) sudah terjalin hubungan timbal balik antara China dengan banyak negara di Asia. Dinyatakan bahawa “penduduk miskin sepanjang pantai tenggara China yang mengharungi laut ke tanah seberang semakin bertambah.”

Polisi diplomatik kerajaan China yang telah dijalankan adalah bagi “mencapai kerukunan dan persahabatan dengan negara-negara asing...pada tahun Yong Le pertama (1403) oleh Raja Ming dikirim utusan persahabatan ke Korea, Campa, Siam, Kemboja, Jawa dan Sumatera dengan membawa sutera dewangga” (catatan Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu, 2000:17).

Catatan oleh pelayar-pelayar Cina (pelayar seperti Zheng He



dalam bukunya *Yung Ya Sheng Lan* bermaksud ‘Pemandangan Indah di Seberang Samudera (1451), pelayar Ma Hua dalam bukunya *Xing Cha Sheng Lan* : ‘Menikmati Pemandangan Indah dengan Rakit Sakti (1436) dan catatan oleh Gong Zheng dalam *Xi Yang Fan Guo Hi* : ‘Catatan Mengenai Negara-negara Samudera Barat (1434), banyak memperlihatkan bahawa orang Cina telah lama belayar dan merantau ke kawasan Nusantara, “*kerajaan berharap agar perantau-perantau China itu menjadi penduduk yang baik di negara tempat mereka menetap*” (*ibid*, :17).

Tulisan oleh Ban Gu (dalam *Han Shu* : Buku Dinasti Han Jld. 28, dalam Pelayaran Zheng He, 2000:58), menjelaskan pada abad pertama sudah terdapat jalur maritim antara China dengan India dan jalur tersebut adalah di pantai Semenanjung Tanah Melayu. Ini terbukti dengan penemuan arkeologi berupa pecahan seramik di lembah Sungai Johor (lihat juga Tregonning, 1962). Ketika zaman Empayar Wu (222-208 S.M.), terdapat ramai utusan dan pedagang dihantar ke kawasan Asia Tenggara, antara lain ke Tantatam (di sekitar Kota Bahru, Kelantan), Pu Luo Zhong (di sekitar Johor), Pan Pan (di bahagian utara Tanah Melayu).

Dalam buku *(Serba-serbi Tentang Pulau-pulau Negeri Asing) yang ditulis oleh Chen Yuanjing pada abad ke-13 telah mencatatkan bahawa di Empayar Fo Luo An (Kuala Dungun, Terengganu) telah ada orang Cina yang menetap di situ. Mereka ini disebut sebagai “tenglang” yang bermaksud orang Tang iaitu berhubung Dinasti Tang. Dalam catatan oleh Ma Huan dan Fei Xin, dinyatakan bahawa,*

“Bahagian tenggara Melaka menghadap laut, manakala yang di sebelah barat laut itu adalah pergunungan. Hawanya panas dan malamnya sejuk. Tanahnya berpasir dan bergaram. Sawah ladangnya gersang, tidak menghasilkan banyak tanaman. Sedikit orang bercucuk tanam (kerana ramai yang terlibat dengan berdagang). Di atas jambatan dibangun pula lebih daripada 20 buah balairung tempat orang berjual beli”.

Selain daripada menjalankan aktiviti perniagaan, orang-orang di Melaka juga bekerja sebagai nelayan. Mereka menangkap ikan di



laut dengan *kano*. Juga terdapat banyak hasil hutan yang dikutip seperti kayu hitam, damar dan pelbagai kayu wangi-wangian. Dinyatakan juga bagaimana orang Melaka menggunakan damar sebagai pelita kerana bahannya mudah terbakar. Damar yang dilarutkan dapat dimanfaatkan untuk menutup sela-sela kapal yang baru siap agar tidak dimasuki air. Damar yang sangat baik dinamai *sindarus* dan dijual oleh orang Melaka ke negara lain. *Sindarus* dipakai sebagai perhiasan, seperti perhiasan di topi. Di kawasan yang berbukit dan bergunung pula, terdapat banyak pohon sagu. Kulit sagu diproses hingga kering untuk dijadikan beras sagu. Sagu ini dimasak dan dimakan seperti nasi.

Di Melaka juga terdapat pohon kajang. Rupa pohon kajang seperti pohon laici dan buahnya sebesar telur. Bijinya diproses menjadi arak kajang. Daun kajang pula dijadikan tikar yang halus buatannya. Bagi mereka yang membela ternakan seperti lembu, kambing, ayam dan itik, mereka ini sangat beruntung kerana harganya tinggi. Seekor kerbau misalnya, berharga melebihi 10 tahil perak. Dicatatkan juga bahawa orang di Melaka beragama Islam. Kaum lelaki di Melaka menutup kepala dengan sapu tangan bersegi empat. Adat istiadat di Melaka adalah baik dan sederhana. Perumahan penduduk pula seperti bangunan-bangunan yang megah. Bahasa dan adat istiadat di Melaka agak sama dengan di Jawa. Catatan Fei Xin menyatakan bahawa di antara orang Melaka yang berkulit kehitam-hitaman terdapat orang yang berkulit kuning langsat dan mereka adalah orang China.

Zheng He juga ada mencatatkan pembinaan sebuah tokong bernama Tokong Sam Po Kong, terletak di Kampung Jeram, di pantai Sungai Nerus, Terengganu yang penghuninya ialah orang Melayu (tokong ini pada asalnya hanya merupakan bekas landasan kapal yang diletakkan batu yang besar dan dikeramatkan orang). Di atas tokong tersebut ditulis dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Cina dan Arab yang bermaksud “Sampohong Keramat Cheng Ho”. Pada setiap 29 haribulan tanggal bulan ke-6 diadakan perayaan oleh penduduk kampung yang berbangsa Cina dan Melayu bagi memperingati kedatangan Zheng He ke Terengganu.

Catatan Fei Xin tentang Pahang pula menjelaskan bagaimana



penduduknya mengerjakan sawah ladang yang luas, yang diusahakan beberapa kali setahun. Rakyat Pahang juga mengusahakan garam daripada air laut, membuat tuak daripada buah kelapa. Mereka juga berdagang wangi-wangian, emas, perak, gim, kimka, kain Jawa, alat perunggu dan alat-alat besi. Digambarkan bahawa wanita-wanita yang kaya memakai empat hingga lima gelungan emas dan manik yang beraneka warna pada rambut mereka.

Catatan Fei Xin tentang Langkawi pula (disebut sebagai Long Ya Shan Ti dalam bahasa China) menggambarkan keadaannya yang berbukit dan hawanya yang sering panas. Bahan makanan utama penduduknya ialah dari jenis ubi-ubian. Hasil utama Langkawi ialah pinang, kelapa dan wangi-wangian.

Pulau Aur (terletak di sebelah timur Johor) juga direkodkan sebagai Dong Xi Zhu oleh Fei Xin. Penduduknya menghasilkan garam dari air laut dan arak dari santan. Hasil-hasil lain ialah pinang, kapuk, timah, lada, alat besi, dan tikar kelapa yang kebanyakannya dijual kepada orang Cina.

Kedatangan orang India

Orang India dipercayai datang ke kawasan Kepulauan Melayu lebih kurang 2000 tahun yang lalu. Kedatangan mereka khususnya untuk berdagang di Melaka telah menyebabkan beberapa petempatan orang-orang India wujud, seperti di Kampung Kling. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang Tamil dari India Selatan, Malayali (dikenali juga sebagai orang Malabari) dari pantai Malabar, dan orang Telegu dari Andra Pradesh.

Hubungan perdagangan antara Tanah Melayu dengan India telah terjalin sejak kurun kedua Masihi lagi. Agama Buddha dipercayai telah sampai ke Tanah Melayu dan kemudian tersebar luas ke Nusantara semasa India diperintah oleh Maharaja Asoka dari Dinasti Maurya (330-180 S.M.). Agama Hindu pula telah dibawa oleh golongan pedagang India (vaisya). Bukti kewujudan beberapa kerajaan Hindu-Buddha (Indianized States) ialah seperti kerajaan Funan (1-6 Masihi), Angkor (10-15 Masihi), Srivijaya (7-13 Masihi),



Mataram (7-10 Masihi), Majapahit (1293-1528), Gangga Negara (5-10 Masihi) dan Langkasuka (2-14 Masihi). Agama Buddha Mahayana menjadi tumpuan imigran Cina dan orang Sinhalese dari Sri Lanka yang datang ke Pulau Pinang. Mereka telah membina beberapa tokong yang terkenal di Pulau Pinang. Di negeri Kelantan pula, orang Siam yang ramai mendiami Kelantan telah membawa agama Buddha Teravada.

Peringkat dan proses petempatan penduduk kemudiannya berkembang ketika wujudnya kerajaan-kerajaan Melayu awal. Antara kerajaan Melayu awal yang wujud di Tanah Melayu ialah Kerajaan Tun-Sun, Ko-Lo, Pan-Pan di Segenting Kra, Kerajaan Langkasuka di Pattani, Kerajaan Chih-Tu di Kelantan, Kerajaan Tan-Tan di Terengganu, Kerajaan Gangga Nagara di Perak. Selain dari itu kerajaan awal yang muncul di Gugusan Kepulauan Melayu pula ialah Kerajaan Kutei, di Borneo, Kerajaan Majapahit, Kerajaan Funan di lembah Sungai Mekong, Kerajaan Champa di Vietnam, dan Kerajaan Sri Vijaya di Sumatera. Kemunculannya mempunyai kaitan dengan kegiatan perdagangan yang pesat di jalur maritim antara China dengan India.

Kerajaan Sri Vijaya

Kerajaan yang muncul pada abad ke-6 atau 7 ini merupakan sebuah kerajaan yang kuat kerana kedudukannya yang mengawal kegiatan maritim di Selat Melaka. Sri Vijaya juga diperintah oleh pemerintah-pemerintah yang kuat, dibantu oleh sistem pentadbiran yang teratur dengan kelas pentadbir yang sangat sistematik. Ia juga muncul sebagai pusat ilmu pengetahuan kerana berlaku kegiatan pembelajaran bahasa Sanskrit dan penterjemahannya ke dalam bahasa yang lain. Selain daripada itu, agama Buddha juga berkembang dengan pesat. Bahasa lingua francanya ialah bahasa Melayu kuno.

Zaman Melaka

Pada abad-abad awal selepas masihi hingga abad ke-16, proses



perpindahan orang Melayu dari Sumatera, terutama yang berketurunan Minangkabau ke negeri-negeri Melayu telah pun berlaku. Tumpuan utama mereka ialah Melaka. Ketika Melaka masyhur sebagai pusat perdagangan, ramai orang Melayu yang menceburkan diri di lapangan perdagangan dan perniagaan. Terdapat orang Melayu yang menjadi orang tengah memasarkan hasil-hasil hutan yang tinggi nilainya, rempah ratus, hasil dari perlombongan emas dan besi, kepada pedagang-pedagang Arab, India dan Cina. Tome Pires dalam kurun ke-16 pernah menulis bahawa,

“Negeri Melaka tersangat masyhur dan berfaedah ... Ia adalah sebuah bandaraya tempat memasarkan barang-barang dagangan yang lebih sesuai daripada bandar raya lain di dunia” dan “[merupakan] pelabuhan yang terkaya sekali dengan ramainya pedagang yang berjual-beli secara borong dan banyaknya perkhidmatan perkapalan yang datang dari seluruh dunia” (dalam Zainal Abidin, 1971:21)

Hubungan diplomatik Melaka dengan kuasa-kuasa seperti China, India, Siam, dan Jawa menjadi salah satu faktor bagi membuktikan bahawa telah wujud suatu bentuk masyarakat yang berbilang bangsa di Melaka. Apatah lagi dengan bukti bahawa terdapat 84 bahasa yang dipertuturkan di Melaka (walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan di kalangan banyak bangsa) memperlihatkan telah wujudnya masyarakat yang berbilang bangsa dan kaum.

Bagi mewujudkan keadaan aman dan terkawal serta memudahkan lagi pentadbiran masyarakat yang semakin ramai dan pelbagai, Melaka melaksanakan sistem hal ehwal pengurusan yang lebih cekap (Sistem Pembesar Berempat, Undang-undang Melaka, dan Undang-undang Laut Melaka). Melaka diperintah oleh raja-raja yang bijaksana dengan sistem pentadbiran yang sangat tersusun. Raja dibantu oleh empat orang pembesar iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, dan Laksamana. Kegiatan perdagangan yang pesat telah memperlihatkan jumlah pedagang yang begitu



ramai. Bagi melicinkan pentadbiran mereka, pemerintah Melaka telah melantik pegawai-pegawai khas yang menjaga kebajikan tiap-tiap bangsa yang berbeza: ada pegawai yang menjaga orang dari Gujerat, ada yang menjaga mereka yang datang dari selatan India dan Benggala dan ada pegawai yang menjaga hal ehwal mereka dari kawasan Kepulauan Melayu dan juga dari China dan Jepun.

Kedatangan Islam

Kedatangan Islam ke Melaka telah melonjakkan kedudukan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam yang penting. Kegiatan intelektual berlaku secara berleluasa. Hubungan kaum di Melaka sehingga sekitar abad ke-16, berada dalam keadaan yang harmoni, walaupun terpisah kerana kaum India, Cina, Arab, dan Jawa mempunyai kawasan tempat tinggal masing-masing. Mereka hidup dalam bentuk *co-existence* dan dalam kes-kes tertentu, terdapat golongan tertentu yang cuba mengasimilasikan diri mereka ke dalam budaya dominan (misalnya masyarakat Baba).

Stratifikasi Masyarakat Melayu Tradisional

Golongan atasan

Kelas atasan ini terdiri daripada golongan pemerintah iaitu Raja atau Sultan. Ia diikuti oleh anak raja dan keturunan raja dan pembesar.

Golongan bawahan

Lapisan ini terdiri daripada rakyat biasa dan hamba. Pekerjaan utama mereka ialah bertani, berdagang, dan bertukang.

Sistem Kepercayaan Masyarakat Melayu Tradisional

Kepercayaan masyarakat Melayu tradisional dikaitkan dengan kepercayaan animisme, iaitu tentang wujudnya semangat, penunggu, puaka dan lain-lain makhluk alam ghaib yang mempunyai pengaruh



yang kuat terhadap kehidupan masyarakat Melayu. Kepercayaan animisme ini telah diperkuuhkan lagi dengan kewujudan bomoh dan pawang yang menjadi perantara manusia dengan alam ghaib tersebut.

Peranan Agama

Kedatangan agama Hindu-Buddha telah dibawa bersama oleh pedagang-pedagang India sejak awal abad ke-2 lagi. Pengaruh India lebih bersifat *great tradition* atau *istana centric*, terutama dengan konsep dewaraja yang mengesah dan memperkuuhkan kedudukan golongan pemerintah.

Kedatangan Islam pada lebih kurang kurun ke-10 (walaupun ada bukti yang menjelaskan kedatangannya yang lebih awal) telah mengubah hampir keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu. Kemunculan kerajaan-kerajaan Islam seperti di Perlak pada abad ke-9, Samudera-Pasai (1042), Acheh (1206) dan Melaka (1414) telah berjaya membentuk suatu zaman yang berbeza dengan zaman sebelumnya. Ini kerana Islam sangat menekankan sistem nilai dan kehidupan yang berlandaskan syariat Islam. Tradisi keintelektualan juga telah berkembang dengan pesat hingga mampu menghasilkan banyak bahan penulisan dan institusi pendidikan di Jawa, Banjar, Riau, Patani dan lain-lain yang telah menarik ramai penuntut dan ulama dari segala pelusuk Alam Melayu.

Tulisan Jawi

Selaras dengan perkembangan Islam dan ilmu, ulama dan pendakwah Islam telah memperkenalkan huruf Arab untuk dijadikan sebagai skrip dalam tulisan Indonesia dan Melayu (Ismail Hamid, 1989). Setelah penemuan tulisan jawi, maka bermulalah era baru bagi dunia Melayu. Ulama-ulama mendirikan madrasah, sekolah dan menjadikan tulisan jawi sebagai alat persuratannya. Tulisan jawi digunakan sebagai alat persuratan bahasa Melayu yang cukup unggul. Begitu juga dalam kegiatan pemerintahan, surat-menjurat, menulis undang-undang,





catatan perdagangan, cukai, wang dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 1995). Kekuatan lain daripada tulisan jawi bagi dunia Melayu ialah kemampuannya menjadi alat pengikat jati diri budaya Melayu yang paling unggul. Sejarah telah membuktikan bahawa semenjak ditentukan tulisan jawi sebagai bahasa Melayu, sejak itulah dunia Melayu mulai bangkit dan maju. Berkat adanya tulisan jawilah dunia Melayu dapat membaca dan menulis secara meluas.

Konsep Keadilan Raja

Konsep keadilan raja merupakan suatu kekuatan bangsa di Alam Melayu kerana ianya berpaksikan pada amalan mulia yang dibawa ajaran Islam. Prinsip keadilan raja dalam pemerintahan sesebuah negara juga menjadi pusat penulisan Bukhari al-Jauhari dalam keseluruhan 24 fasal Taj al-Salatin. Bukhari juga menceritakan tentang raja-raja yang zalim yang melanggar prinsip keadilan sebagai “hilang daulat daripada sebab aniaya”.

Perundangan dan adat

Adat Temenggung dipercayai adat yang terawal diperkenalkan di dunia Melayu. Ia dikatakan dibawa dari Palembang meskipun ia berasal dari Minangkabau, Sumatera. Adat ini telah disebarluaskan oleh orang Minangkabau yang berhijrah. Di Palembang, adat ini lebih dikenali sebagai Adat Melayu atau Adat Kampung.

Pola Adaptasi Masyarakat

Imigran Cina yang datang sebelum abad ke-17 memperlihatkan beberapa pola adaptasi yang menarik. Asimilasi yang berlaku dalam masa satu atau dua generasi kedatangan mereka di beberapa kawasan seperti Thailand, Vietnam, Kemboja dan Filipina memperlihatkan mereka ini telah terserap dalam fabrik sosial masyarakat tempatan melalui perkahwinan dengan wanita tempatan.

Asimilasi separa orang Cina seperti pembentukan kumpulan



Cina Peranakan di Jawa, kaum Baba di Melaka serta puak Cina Peranakan di Kelantan merupakan pola adaptasi yang lain; bertutur bahasa ibunda yang sama ada merupakan salah satu daripada bahasa pribumi setempat, atau campuran bahasa Cina dengan bahasa Melayu/ bahasa pribumi setempat, atau sejenis bahasa Melayu pijin, atau bahasa Melayu ala Cina. Budaya mereka ialah budaya campuran unik daripada tradisi Cina dan warisan pribumi setempat.

Masyarakat Cina yang tidak memperlihatkan sebarang akulterasi atau asimilasi yang berkesan terhadap pribumi setempat adalah masyarakat Cina yang datang pada tahap kedua iaitu selepas abad ke-19.

Pola segregasi: hubungan yang bersifat pemisahan di antara etnik-etnik di dalam sesebuah negara atas faktor kawasan tempat tinggal dan budaya yang berbeza.

Pola akomodasi: merupakan proses di mana etnik-etnik menyedari norma dan nilai mereka antara satu dengan lain, namun mereka tetap mempertahankan budaya hidup masing-masing. Walau bagaimanapun, mereka hidup secara harmoni dan saling menghormati antara satu dengan lain.

Pola akulturası: satu proses yang terjadi apabila manusia dalam kumpulan minoriti menerima norma, nilai, dan pola-pola budaya golongan majoriti. Proses ini merupakan proses meminjam atau menerima unsur-unsur budaya golongan majoriti, tanpa mengubah unsur budaya asal.

Pola asimilasi: Konsep ini menyatakan tentang kemasukan ke dalam masyarakat dominan. Darjah asimilasi adalah berbeza-beza bergantung kepada sejauh mana ciri-ciri budaya berbeza dengan budaya kelompok dominan.

Pola amalgamasi: satu proses yang terjadi apabila budaya atau ras bercampur untuk membentuk jenis-jenis budaya dan ras yang baru. Antara proses yang berlaku ialah kahwin campur antara etnik atau ras.



Kesimpulan

Perkembangan tamadun masyarakat di Alam Melayu atau Nusantara memang telah wujud sejak sekian lama. Kepelbagaiannya yang mempunyai ciri-ciri budaya yang tersendiri memanifestasikan keragaman budaya di kalangan masyarakat. Mereka hidup dengan harmoni, mengekalkan adat-istiadat, mengamalkan ajaran agama, saling hormat-menghormati dan bantu-membantu dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Hal ini menunjukkan bahawa pertembungan budaya secara semula jadi tidak banyak mendatangkan masalah negatif. Fenomena ini tentunya amat berbeza dengan dasar penjajahan British yang memperkenalkan dasar ‘pecah dan perintah’ yang sekaligus membentuk masyarakat majmuk.